

PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO  
LEMBAH LENGGONG

NORASMAWATI BINTI MD ANUAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

## DEDIKASI

Pertama sekali, jutaan penghargaan dan terima kasih ditujukan buat suami yang dicintai, Syahrul Amri Bin Shahrudin atas segala pengorbanan, kerjasama, tolak ansur, persefahaman serta toleransi sepanjang saya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana ini. Terima kasih kerana memahami tuntutan ilmu ini.

Buat anak-anak ibu yang tersayang, Nor Alya Arianna Bt Syahrul Amri, Muhammad Aryan Rizqi Bin Syahrul Amri, Muhamamd Aryan Razin Bin Syahrul Amri dan Muhammad Aryan Raykal Bin Syahrul Amri yang perlu memahami erti perkongsian di antara masa bermanja dan kesibukan ibu menyiapkan tugas ini. Sesungguhnya hasil ini dinukilkan bagi memberi dorongan dan semangat untuk anak-anak ibu terus maju dan cemerlang di masa hadapan.

Buat ibu bapa tercinta Md Anuar Bin Mohd Kassim dan Paridah Binti Ishak terima kasih kerana tidak putus-putus memberi sokongan dan kiriman doa. Buat adik-beradik tercinta yang sentiasa memberi sokongan, semangat dan bantuan sepanjang mendepani cabaran dalam perjalanan pengajian sarjana ini.

Buat semua sahabat dan teman seperjuangan yang dikasihi, terima kasih atas semua sokongan, bantuan dan suntikan semangat yang diberikan tanpa mengira masa dan ketika.

Didoakan semoga Allah SWT jua yang membalas jasa baik kalian semua dengan segala kebaikan yang tidak terhingga.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam junjungan ke atas Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas segala limpah dan kurnia serta dengan izin-Nya, penulisan ini telah berjaya disiapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Norhidayah binti Md. Yunus yang paling banyak memberikan bimbingan, panduan dan galakan sepanjang penyediaan penulisan ini. Terima kasih atas suntikan semangat dan dorongan semasa mendepani cabaran dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) dan juga panel semasa pembentangan iaitu Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria dan semua pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu kepada saya dengan penuh komited, ikhlas dan sabar. Tidak dilupakan kepada panel yang turut sama memberi pandangan dan penambahbaikan iaitu Dr Ainur Zaireen Binti Zainudin. Jasa kalian sangat dihargai. Semoga Allah merahmati dan memberkati seluruh keluarga anda semua.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atas tajaan yang diberikan kepada saya dari awal hingga tamat pengajian sarjana ini. Tidak dilupakan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang turut memberikan kerjasama dalam perjalanan menuntut ilmu ini. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada semua responden yang terlibat dalam penulisan ini iaitu Jabatan Warisan Negara, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong, Majlis Daerah Lenggong serta pemandu pelancong di Lembah Lenggong. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan amat dihargai sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Buat rakan-rakan seperjuangan MSc. LAD Pesisir Ipoh, Perak 2019-2020. Semoga segala jasa dan pertolongan kalian semua dibalas oleh Allah SWT dengan segala kebaikan dan rahmatNya. Terima kasih atas segala bantuan dan pertolongan yang diberikan selama ini.

## ABSTRAK

Tapak Warisan Dunia merupakan sebahagian daripada bentuk warisan budaya yang amat bernilai dan berharga bagi sesebuah tamadun masyarakat manusia dan negara amnya. Peranannya dilihat sebagai satu kekuatan komitmen yang menyatukan pegangan masyarakat untuk mengekalkan dan memelihara warisan yang menjadi bukti kepada perkembangan sesuatu tamadun ataupun negara. Meskipun kajian tentang tapak warisan dunia di peringkat antarabangsa telah bermula sejak tahun 1945, namun kajian tentang penambahbaikan pengurusan tapak warisan dunia di Malaysia masih lagi kurang. Justeru, satu usaha pemuliharaan dan pemeliharaan berterusan perlu dilaksanakan berlandaskan prinsip atau garis panduan pemuliharaan. Namun dasar pembangunan di Malaysia yang dilaksanakan untuk mengejar status negara maju menjelang tahun 2020 acap kali mengabaikan faktor pengurusan warisan ini. Dengan menfokus kepada kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong sebagai kawasan tumpuan, kajian ini menghurai isu penambahbaikan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong sedia ada. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti kepentingan pemuliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO, mengkaji cabaran yang dihadapi dalam pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong dan seterusnya mengkaji penambahbaikan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Pengumpulan data primer diperoleh melalui kaedah temubual bersama 12 orang responden daripada pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pleancongan, Seni dan Budaya, Majlis Daerah Lenggong, Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong serta pemandu pelancong di kawasan tersebut. Data-data yang dianalisis secara deskriptif dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan huraian. Secara ringkasnya, hasil kajian menunjukkan terdapat lima (5) cabaran dalam menguruskan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong ini iaitu vandalisma, tiada agensi khusus menguruskan tapak warisan ini, isu pengurusan dan pembangunan tanah, kurang penglibatan komuniti setempat dan yang terakhir iaitu kos penyelenggaraan yang tinggi. Berdasarkan kepada penemuan ini, beberapa cadangan penambahbaikan dikemukakan iaitu mewujudkan Unit Warisan di Majlis Daerah Lenggong, melibatkan komuniti setempat, menyediakan peruntukan yang mencukupi, mendapatkan penglibatan swasta serta menekankan aspek pendidikan di dalam pengurusan. Diharapkan kajian ini dapat memberi input yang bermanfaat kepada semua pihak dalam mewujudkan pengurusan yang terbaik kepada Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.

## ABSTRACT

World Heritage World Heritage Sites are part of a form of cultural heritage that is very valuable and valuable for a civilization of human society and the country in general. Its role is seen as a strength of commitment that unites the community to maintain and preserve the heritage that is the proof of the development of a civilization or country. Although the study of world heritage sites internationally has started since 1945, but studies on the improvement of world heritage site management in Malaysia are still lacking. Therefore, an ongoing conservation and preservation effort must be implemented based on conservation principles or guidelines. However, the development policy in Malaysia which is implemented to pursue the status of a developed country by 2020 often ignores the factors of heritage management. Focusing on the UNESCO Lenggong Valley World Heritage Site as a focus area, this study elaborates on the issue of improving the management of the existing UNESCO Lenggong Valley World Heritage Site. The objective of this study is to identify the importance of conservation of UNESCO World Heritage Sites, to study the challenges faced in the management of UNESCO Lenggong Valley UNESCO World Heritage Site and further to examine the improvement of the management of UNESCO Lenggong Valley UNESCO World Heritage Site. Primary data collection was obtained through an interview method with 12 respondents from officials from the State Economic Planning Unit, National Heritage Department, Ministry of Tourism, Arts and Culture, Lenggong District Council, Lenggong District and Land Office and tourist guides in the area. The data analyzed descriptively are presented in the form of tables, diagrams and descriptions. In summary, the results show that there are five (5) challenges in managing this UNESCO Lenggong Valley World Heritage Site, namely vandalism, no specialized agency to manage this heritage site, land management and development issues, lack of local community involvement and lastly, high maintenance costs. Based on these findings, several suggestions for improvement are submitted, namely creating a Heritage Unit in the Lenggong District Council, involving the local community, providing adequate allocation, obtaining private involvement and emphasizing the educational aspect in management. It is hoped that this study can provide useful input to all parties in creating the best management to the UNESCO Lenggong Valley UNESCO World Heritage Site.

## ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri	7
	1.6.2 Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan	8
	1.6.3 Komuniti Setempat	8
	1.6.4 Pemain Industri	8
	1.7 Metodologi Kajian	9
	1.7.1 Rekabentuk Kajian	9
	1.7.1.1 Peringkat 1 – Kenalpasti Masalah, Objektif dan Kaedah Kajian	10

1.7.1.2	Peringkat 2 - Kajian Literatur	11
1.7.1.3	Peringkat 3 - Pengumpulan Data	12
1.7.1.4	Peringkat 4 - Analisis Data	13
1.7.1.5	Peringkat 5 - Kesimpulan dan Cadangan	14
1.8	Susunatur Bab	15
1.8.1	Bab Satu	15
1.8.2	Bab Dua	16
1.8.3	Bab Tiga	16
1.8.4	Bab Empat	16
1.8.5	Bab Lima	17
<b>BAB 2</b>	<b>PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO</b>	<b>19</b>
2.1	Pendahuluan	19
2.2	UNESCO	21
2.3	Tapak Warisan Dunia	21
2.4	Bentuk Pengiktirafan UNESCO	22
2.5	Perkembangan Tapak Warisan Dunia di Peru	25
2.5.1	Tapak Arkeologi Chan-Chan	27
2.5.2	Machu Pichu	29
2.5.3	Taman Negara Manu	30
2.6	Isu dan Permasalahan Dalam Menguruskan Tapak Warisan Dunia	31
2.6.1	Isu Ancaman Semulajadi di Tapak Arkeologi Chan-Chan	31
2.6.2	Isu Pelancongan di Machu Picchu	32
2.6.3	Kekurangan Sumber Kewangan di Taman Negara Manu	34
2.6.4	Kurang penglibatan Komuniti Setempat dan Swasta di Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka	34
2.6.5	Isu Pengurusan dan Pembangunan Tanah di Tapak Warisan Dunia UNESCO Georgetown	35
2.7	Perkembangan Tapak Warisan Dunia di Malaysia	35
2.7.1	Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town	37

2.7.2	Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka	41
2.7.3	Tapak Warisan Dunia UNESCO Taman Negara Mulu Sarawak	42
2.8	Pengurusan Tapak Warisan Dunia di Malaysia	44
2.9	Peranan dan fungsi <i>World Heritage Office</i> (WHO)	45
2.10	Kepentingan Pemuliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO	46
2.11	Rumusan	48
<b>BAB 3</b>	<b>KAWASAN KAJIAN</b>	<b>51</b>
3.1	Pendahuluan	51
3.2	Latar Belakang Lenggong	51
3.3	Pewartaan Tapak Warisan Di Negeri Perak	53
3.4	Pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO	53
3.5	Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	56
3.5.1	Kluster 1-Bukit Bunuh dan Kota Tampan	59
3.5.2	Kluster 2- Bukit Jawa, Bukit Kepala Gajah dan Bukit Gua Harimau	62
3.6	Guna Tanah dan Kategori Guna Tanah di Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	63
3.7	Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong Sebagai Produk Pelancongan	65
3.8	Pengurusan dan Pentadbiran Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	68
3.9	Rumusan	71
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>73</b>
4.1	Pendahuluan	73
4.2	Analisis Kajian	74
4.2.1	Latar Belakang Responden	75
4.2.2	Isu dan Permasalahan Menguruskan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	77
4.2.3	Kaedah Penambahbaikan Pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	81
4.3	Rumusan	87



<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>89</b>
5.1	Pengenalan	89
5.2	Penemuan Kajian	89
5.2.1	Penemuan dan Pencapaian Objektif Pertama	90
5.2.2	Penemuan dan Pencapaian Objektif Kedua	92
5.3	Cadangan Kajian	95
5.3.1	Memfokuskan Penjanaan Hasil	95
5.3.2	Pengukuhan Organisasi di Majlis Daerah Lenggong	96
5.3.3	Meningkatkan Penglibatan Komuniti Setempat Secara Menyeluruh	98
5.3.4	Memperkenalkan Yuran Penyelidikan	98
5.3.5	Mewujudkan Skim Caj Pelawat kepada Tapak Warisan	99
5.4	Limitasi Kajian	100
5.4.1	Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Wabak Covid19	100
5.4.2	Lokasi Kajian	100
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	101
5.6	Penutup	101
	<b>RUJUKAN</b>	<b>103</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>109</b>

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
Jadual 2.1	Tapak-tapak Warisan di Peru	27
Jadual 3.1	Statistik Pewartaan Tapak Warisan Di Negeri Perak	53
Jadual 3.2	Guna Tanah di Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	65
Jadual 4.1	Profil Responden Mengikut Kriteria	76
Jadual 4.2	Kepuasan Responden dengan Pengalaman Semasa Berada di Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	78
Jadual 4.3	Isu dan Permasalahan Menguruskan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	79
Jadual 4.4	Pilihan Jabatan/Agensi yang perlu menguruskan dan melestarikan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.	83
Jadual 4.5	Statistik Jawapan Responden Mengenai Cadangan Penambahbaikan Bagi Mengatasi Isu dan Permasalahan di Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	83
Jadual 4.6	Lain-Lain Cadangan Penambahbaikan	86
Jadual 5.1	Isu dan Permasalahan serta Cadangan Penambahbaikan Bagi Pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	95

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 1.1	Carta Alir Kajian	10
Rajah 2.1	Proses Penetapan Tapak Warisan	25
Rajah 3.1	Kedudukan Daerah Lenggong di dalam peta Negeri Perak	52
Rajah 3.2	Rangka Perak Man dipercayai rangka manusia tertua di Malaysia yang dijumpai di Lenggong	55
Rajah 3.3	Kluster dan Zon di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	57
Rajah 3.4	Kluster di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong	58
Rajah 3.5	Tapak Arkeologi Bukit Bunuh dan penemuan alat-alat batu	60
Rajah 3.6	Penemuan Alat Batu di Tapak Arkeologi Kota Tampan	61
Rajah 3.7	Penemuan tapak pengebumian yang mengandungi serpihan tulang manusia di Gua Harimau	63
Rajah 3.8	Unjuran Ketibaan Pelancong ke Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong	67
Rajah 3.9	Susunan Organisasi Jabatan Warisan Negara	69
Rajah 3.10	Susunan Organisasi Majlis Daerah Lenggong	70

## SENARAI SINGKATAN

BWD	-	Bandar Warisan Dunia
CMP	-	<i>Conservation Management Plan</i>
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JWN	-	Jabatan Warisan Negara
MDL	-	Majlis Daerah Lenggong
MDG	-	<i>Millenium Development Goals</i>
MOTAC	-	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
PBB		Persatuan Bangsa Bangsa Bersatu
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
SUK	-	Setiausaha Kerajaan Negeri
SWT	-	<i>Subhanahu Wata A'la</i>
TWD	-	Tapak Warisan Dunia
UNESCO	-	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organizations</i>
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi Negeri
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

## SENARAI SIMBOL

km<sup>2</sup> - Kilometer Persegi

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
Lampiran A	Senarai Tapak-Tapak Warisan Di Negeri Perak	109
Lampiran B	Senarai Tapak-Tapak Warisan Kebangsaan Di Negeri Perak	113
Lampiran C	Borang Temu Bual Responden	115

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) atau Organisasi Pendidikan, Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan merupakan badan khusus PBB yang ditubuhkan pada tahun 1945. Menurut Jabatan Warisan (1992), tujuan utama penubuhan UNESCO adalah untuk menjadi platform perbincangan antara tamadun, budaya dan masyarakat, berdasarkan rasa hormat kepada nilai-nilai yang dikongsi bersama.

Sejak daripada tarikh pengiktirafan UNESCO pada tahun 2012, fungsi *World Heritage Office* (WHO) dan pengurusan Tapak Warisan Dunia (TWD) Lembah Lenggong telah diletakkan di bawah seliaan Jabatan Warisan Negara (JWN). Merujuk Para 11.5.33, *Conservation Management Plan (CMP) & Special Area Plan (SAP)* Warisan Arkeologi Lembah Lenggong:

*Once the who is fully functional and operating the state Government of Perak shall initiate to set up a division or section under its institutional framework to slowly move towards taking over the full tasks and functions of WHO.*

Menurut Jabatan Warisan Negara (2000), terdapat empat buah Tapak Warisan Dunia di Malaysia dan ia diuruskan oleh badan pengurusan khas yang ditubuhkan untuk tujuan ini. Antara pengurusan Tapak Warisan Dunia di Malaysia adalah seperti Tapak Warisan Dunia UNESCO Taman Kinabalu di bawah seliaan Taman-Taman Negeri Sabah, Taman Negara Mulu dikawal oleh Jabatan Hutan Sarawak, Bandar Bersejarah Melaka diselia oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Bandar Bersejarah George Town yang menerima pengiktirafan UNESCO pada tahun 2008 diuruskan oleh George Town World Heritage Incorporated (GWHTi) manakala Tapak

Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong yang menerima pengiktirafan pada tahun 2012 masih dikawal oleh Jabatan Warisan Negara.

Nama Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong diambil daripada nama mukim Hulu Perak yang dikenali sebagai Lenggong iaitu kawasan di mana ekskavasi arkeologi dijalankan. Tapak ini telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong di dalam mesyuarat Jawatankuasa Warisan Dunia ke-36 yang diadakan pada 30 Jun 2012 di Saint Petersburg, Rusia.

Warisan Arkeologi Lembah Lenggong terletak di mukim Lenggong, daerah Hulu Perak di Negeri Perak, Semenanjung Malaysia. Ia terletak kira-kira 100 km dari Ipoh. Warisan Arkeologi Lembah Lenggong terbahagi kepada dua kluster. Kluster 1 terdiri daripada Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong Bukit Bunuh-Kota Tampan dan Zon Penampunan manakala Kluster 2 pula terdiri daripada Bukit Kepala Gajah, Bukit Gua Harimau dan Bukit Jawa. Kedua-dua kluster ini terlingkung dalam satu Zon Penampunan. Jarak antara kedua-dua kluster ini adalah lebih kurang 5 kilometer dan dipisahkan oleh bandar Lenggong.

Menurut Zuraina Majid (2001), Lembah Lenggong yang subur di Semenanjung Malaysia mempunyai bukti tapak terbuka dan gua di sepanjang Sungai Perak yang merangkumi semua tempoh sejarah hominid di luar Afrika diantara 1,700 hingga 1.83 juta tahun lalu. Bengkel pembuatan alat batu zaman Paleolitik secara in-situ yang terletak di tebing tasik purba berdekatan lapisan berbatu sungai purba ditemui tidak terganggu. Ia mempunyai urutan kronologi pentarikhan yang panjang. Hentaman meteorit pada 1.83 juta tahun lalu mengakibatkan sekatan dan mengubah aliran sungai, seterusnya memelihara tapak pembuatan alat batu Paleolitik di Bukit Bunuh di mana kejayaan penemuan bukti alat batu kapak genggam adalah antara alat yang tertua setakat ini ditemui di luar Afrika.

Menurut Mokhtar Saidin (2000), analisis daripada penemuan alat batu Paleolitik menunjukkan bahawa ianya dibuat oleh hominid, sekali gus membuktikan kehadiran hominid di Asia Tenggara pada tarikh yang sangat awal. Tinggalan tapak-tapak ini secara relatif menunjukkan kehadiran populasi yang agak besar atau separa



aktif. Kerangka 'Manusia Perak' yang ditemui semasa ekskavasi di Gua Gunung Runtuh adalah satu kerangka purba paling lengkap di Asia Tenggara. Pentarikan radiokarbon menunjukkan 'Manusia Perak' ini bertarikh 10,120 tahun lalu dan dikenal pasti sebagai Australomelanesoid, iaitu hominid yang menghuni bahagian barat kepulauan Indonesia dan benua Asia Tenggara pada akhir zaman Pleistosen dan awal Holosen.

## 1.2 Penyataan Masalah

Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong telah menerima pengiktirafan daripada UNESCO pada tahun 2012. Sepanjang tempoh penerimaan pengiktirafan ini, Tapak Warisan Dunia ini diselia oleh Jabatan Warisan Negara. Walhal mengikut *Conservation Management Plan (CMP) & Special Area Plan (SAP)* Warisan Arkeologi Lembah Lenggong telah menyatakan dengan jelas bahawa apabila sesebuah tapak menerima pengiktirafan UNESCO, pengurusan tapak warisan tersebut perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri selaku pemilik kepada tapak yang dimaksudkan. Oleh itu, Tapak Warisan Dunia UNESCO ini bukan lagi di bawah seliaan Jabatan Warisan Negara sepenuhnya. Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan menggalas semua tugas yang disenaraikan di bawah *World Heritage Office (WHO)* sebagaimana yang digariskan oleh UNESCO.

Antara badan pengurusan yang menggalas fungsi *World Heritage Office (WHO)* di Malaysia adalah Taman-Taman Negeri Sabah yang menguruskan Tapak Warisan Dunia Taman Negara Kinabalu, Jabatan Hutan Sarawak yang menguruskan Taman Negara Mulu, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pula menguruskan Bandar Bersejarah Melaka dan *Georgetown World Heritage Incorporated (GWHTi)* pula menguruskan Bandar Bersejarah Georgetown.

Walau bagaimanapun pada tahun 2018 Jabatan Warisan Negara telah mengemukakan surat dan memaklumkan bahawa setelah hampir enam (6) tahun menerima pengiktirafan daripada WHO sudah tiba masanya pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong diserahkan kepada Kerajaan Negeri

Perak selaku pemilik tanah kawasan tersebut. Namun, Kerajaan Negeri Perak menjawab surat yang dikemukakan oleh Jabatan Warisan Negara dengan menyatakan ketidaksediaan untuk menerima tanggungjawab tersebut memandangkan Kerajaan Negeri Perak tidak memiliki kepakaran berhubung perkara tersebut dan memohon penangguhan sehingga tahun 2021.

Kesan daripada tiada struktur pentadbiran formal yang ditubuhkan bagi menguruskan Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong pelbagai isu vandalisma telah wujud. Melalui laporan akhbar The Star bertarikh 21 Disember 2019 telah melaporkan mengenai kerosakan dan aktiviti vandalisma di kawasan yang menerima pengiktirafan UNESCO ini. Di dalam laporan tersebut turut menyatakan Lembah Lenggong di Perak berdepan kemungkinan hilang status warisan dunia UNESCO sekiranya tiada usaha dijalankan untuk mengatasi kerosakan yang berlaku di tapak bersejarah itu.

Justeru, menurut Jabatan Warisan Negara (2019) Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong memerlukan sebuah badan pengurusan supaya dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang sistematik. Berdasarkan perkara yang diuraikan di atas beberapa isu berikut perlu diberi perhatian. Sebuah tapak yang berkepentingan tinggi kebiasaannya akan dilindungi secara menyeluruh. Begitu juga keadaannya dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong, di masa selepas penemuan arkeologi, Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong perlu dipantau dan dilindungi.

Melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan digazetkan pada 1 Mac 2006 telah menyediakan peruntukan untuk perlindungan dari segi undang-undang dan menyokong inisiatif-inisiatif perlindungan pada tapak warisan dunia daripada ancaman semasa dan akan datang. Disamping itu, peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi pelan pengurusan pemuliharaan untuk diiktiraf sebagai sebahagian daripada Rancangan Kawasan Khas juga telah menyatakan undang-undang sokongan dalam pelaksanaan pemantauan bagi mengawal pembangunan di Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Namun memandangkan tiada satu badan khusus yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan fungsi WHO dalam memastikan

pematuhan kepada peruntukan dan undang-undang yang ditetapkan menyebabkan wujudnya pelbagai isu dan permasalahan di Tapak Warisan Dunia yang menyimpan arkeologi yang berusia jutaan tahun ini.

Berdasarkan permasalahan di atas timbul beberapa persoalan yang perlu diambilkira semasa kajian ini dijalankan iaitu:

- i. Apakah isu dan permasalahan yang dihadapi dalam memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong?
- ii. Apakah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi menambahbaik pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan isu dan permasalahan yang dihadapi dalam memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan kepada pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.

### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat dua (2) objektif kajian yang diberi penekanan dalam memastikan matlamat kajian dapat dicapai sepenuhnya. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti isu dan permasalahan yang dihadapi dalam memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.
- ii. Mengkaji penambahbaikan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.

## **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan di peringkat agensi yang bertanggungjawab secara langsung di dalam menguruskan Tapak Warisan Dunia (TWD) UNESCO Lembah Lenggong iaitu Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak, Jabatan Warisan Negara, Majlis Daerah Lenggong dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Kajian ini hanya merangkumi kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong terletak dalam mukim Lenggong, daerah Hulu Perak di Negeri Perak. Ia berada kira-kira 100 km dari Ipoh. Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong terbahagi kepada dua kluster iaitu Kluster 1 terdiri daripada Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong Bukit Bunuh-Kota Tampan dan Zon Penampian. Manakala, Kluster 2 pula terdiri daripada Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong Bukit Kepala Gajah, Bukit Gua Harimau dan Bukit Jawa. Kedua-dua kluster ini terlingkung dalam satu Zon Penampian. Jarak antara kedua-dua kluster ini adalah lebih kurang 5 kilometer dan dipisahkan oleh bandar Lenggong.

Kajian ini akan memberi fokus kepada dua skop utama iaitu isu dan permasalahan dalam memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong dan seterusnya cadangan penambahbaikan pengurusan bagi Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong tersebut. Aspek pertama lebih terarah kepada isu dan permasalahan dalam memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong bagi mengekalkan penarafan UNESCO. Ia akan mengkaji masalah yang timbul yang perlu dihadapi bagi memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong ini.

Seterusnya kajian ini juga menerangkan mengenai penambahbaikan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Penambahbaikan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong akan dilihat dari persektif kaedah pengurusan yang sistematik bagi memastikan tapak arkeologi yang telah dikenalpasti diuruskan dan dipelihara bagi melindungi nilai, integriti dan keaslian Tapak Warisan Dunia pada setiap masa seterusnya mengekalkan pengiktirafan UNESCO yang dianugerahkan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Selain dari itu hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan juga rujukan kepada agensi-agensi kerajaan seperti Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Warisan Negara, Majlis Daerah Lenggong, Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta Tourism Perak di dalam merancang dan membangunkan kawasan tersebut agar selari dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Garis Panduan Operasi UNESCO, serta lain-lain prinsip yang telah disarankan oleh UNESCO, badan-badan tempatan dan antarabangsa yang lain.

Hasil kajian ini memberi ruang dan peluang kepada masyarakat setempat untuk sama-sama bertanggungjawab untuk memelihara warisan ini. Masyarakat memainkan peranan yang sama penting dan peranan mereka diiktiraf kemampuannya dalam melindungi tapak ini. Justeru, perlunya masyarakat tempatan untuk mempunyai pemahaman yang mendalam terhadap Tapak Warisan Dunia dan kepentingannya. Adalah dijangka bahawa sektor pelancongan akan menjadi pemacu ekonomi bagi Daerah Lenggong dan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong menjadi salah satu destinasi pelancongan utama. Sehubungan itu, Pembangunan dan promosi pelancongan dapat dilakukan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang terpelihara bagi memastikan peningkatan permintaan lawatan dan pelancongan tidak memberi kesan negatif kepada Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.

### **1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri**

Pihak Berkuasa Negeri adalah pihak paling penting selaku penggubal dasar. Kajian akan dapat memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri di dalam mengenalpasti kaedah penambahbaikan bagi pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Dengan adanya struktur pentadbiran yang mampan dan sistematik, pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong akan menjadi lebih teratur dan jelas dari segi bidang kuasa dan tanggungjawab terhadap Tapak Warisan

Dunia UNESCO Lembah Lenggong disamping dapat memberi fokus kepada kaedah pemuliharaan bagi memastikan pengiktirafan UNESCO dapat dikekalkan.

### **1.6.2 Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan**

Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan juga rujukan kepada agensi-agensi kerajaan seperti Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Warisan Negara, Majlis Daerah Lenggong, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta Tourism Perak di dalam merancang dan membangunkan kawasan tersebut agar selari dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Garis Panduan Operasi UNESCO, serta lain-lain prinsip yang telah disarankan oleh UNESCO, badan-badan tempatan dan antarabangsa yang lain.

### **1.6.3 Komuniti Setempat**

Kajian ini memberi ruang dan peluang kepada masyarakat setempat untuk sama-sama bertanggungjawab untuk memelihara warisan ini. Masyarakat memainkan peranan penting untuk sama-sama melindungi tapak ini. Justeru, penting bagi masyarakat tempatan untuk mempunyai pemahaman yang mendalam terhadap Tapak Warisan Dunia dan kepentingannya.

### **1.6.4 Pemain Industri**

Kajian ini diharap menjadi pemacu ekonomi bagi sektor pelancongan di Daerah Lenggong. Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong dijangka menjadi salah satu destinasi pelancongan utama. Justeru, Pembangunan dan promosi pelancongan dapat dilakukan dengan SOP yang terpelihara bagi memastikan peningkatan permintaan lawatan dan pelancongan tidak memberi kesan negatif kepada Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Menurut Othman Mohamed (2002), metodologi merupakan prosedur sistematik menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian dan analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri agar objektif penyelidikan berjaya dicapai dengan baik. Metodologi kajian merangkumi kaedah, cara dan pendekatan yang digunakan dalam usaha mencapai objektif dan matlamat kajian yang telah ditetapkan. Ia bertujuan untuk memandu arah dan memastikan kajian dijalankan dengan sistematik dan menggunakan kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian.


### **1.7.1 Rekabentuk Kajian**

Menurut Kerlinger (1970), reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Reka bentuk kajian juga ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Hasil kajian akan ditentukan oleh kaedah serta reka bentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan sesuatu kajian (Chua Yan Piaw, 2014). Dalam hal ini, beberapa reka bentuk kajian yang berlainan boleh digunakan dalam melaksanakan sesuatu kajian. Oleh yang demikian, pemilihan reka bentuk yang bersesuaian amat penting dalam sesuatu kajian bagi menjawab persoalan dan tujuan kajian. Menurut Sukardi (2006) dalam pelaksanaan penyelidikan terdapat dua (2) pendekatan yang boleh digunakan iaitu kuantitatif dan kualitatif.

Menurut Chua (2014), kaedah kajian jenis kualitatif adalah kaedah mendapatkan data dan maklumat daripada temubual atau pemerhatian yang teliti. Unsur-unsur kemanusiaan seperti emosi, motivasi dan empati biasanya boleh diselidiki dengan kaedah kualitatif. Manakala, kajian kualitatif menurut Bryman 2008, adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan apa yang dikumpul dan dianalisis. Proses bermula dengan pengumpulan

data berkaitan topik. Hasil interpretasi data, teori atau konsep sedia ada atau baru dapat ditentukan. Kajian kualitatif bertujuan untuk mendapatkan satu pemahaman lebih baik berkaitan maklumat secara langsung, laporan yang benar dan petikan perbualan sebenar. Ia bertujuan untuk memahami bagaimana peserta itu menerbitkan makna daripada persekitaran mereka dan bagaimanapun ianya mempengaruhi mereka.

Oleh itu, pembangunan rekabentuk kajian merupakan salah satu proses dan komponen mandatori dalam menjalankan penyelidikan. Menurut Bryman (2008), rekabentuk kajian merupakan sebuah kerangka yang digunakan bagi memperoleh dan memproses data sementara bagi Robson (2011) pula menyatakan bahawa rekabentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan elemen tujuan, teori, persoalan kajian, kaedah dan strategi persampelan. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan lima peringkat utama seperti di Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Carta Alir Kajian  
(Sumber: Olahan Penyelidik, 2021)

### 1.7.1.1 Peringkat 1 – Kenalpasti Masalah, Objektif dan Kaedah Kajian

Pada peringkat pertama ini penulis masih didalam peringkat kajian awalan yang meliputi pemilihan tajuk yang bersesuaian, penyataan masalah, penentuan objektif dan matlamat kajian. Selain daripada itu pada peringkat ini penulis akan cuba untuk memahami skop kajian secara terperinci dan membuat lakaran pelan strategik bagi melaksanakan kajian secara sistematik dan teratur. Oleh itu pada peringkat ini



penulis akan mengenalpasti jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat serta golongan sasaran bagi membuat temuduga didalam pengumpulan data.

Pada peringkat ini juga perbincangan dengan penyelia diadakan bagi tujuan pemahaman tajuk dan objektif penyelidikan. Ini penting bagi memastikan penyelidik tidak tersasar dari tajuk dan objektif asal. Maklumat yang diperolehi dalam kajian awalan ini telah digunakan untuk bab 1 di dalam pengenalan dan isu serta permasalahan kajian.

Melalui kajian awal yang dilakukan, penyelidik mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang isu dan aspek yang ingin dikaji dan ini penting bagi memastikan penyelidikan ini mencapai objektif penyelidikan yang ditetapkan.

#### **1.7.1.2 Peringkat 2 - Kajian Literatur**

Peringkat kedua ini merupakan kajian literatur, di mana penulis memberi penekanan kepada aspek pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan tajuk dan objektif kajian melalui eksplorasi bahan di internet, pembacaan buku-buku rujukan, rujukan pada artikel-artikel dan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh ahli pengkaji yang lepas. Melalui pembacaan kajian-kajian lepas sedikit sebanyak akan membantu pengkaji dalam menyediakan kajian sama ada sesuatu pandangan atau keputusan itu menyebelahi kajian yang dibuat atau pun tidak kerana ianya akan menjadi gambaran awal atau garis sempadan bagi sesebuah kajian. Namun, ia tidak semestinya merangkumi keseluruhan aspek kajian tetapi yang pasti pembacaan tersebut perlu berkaitan dengan objektif kajian yang hendak dijalankan.

Menurut Wan Chik Ibrahim (2004), kajian literatur dibuat bertujuan menentukan perkara yang telah dilakukan yang telah mengaitkan dengan permasalahan kajian termasuk analisis dan pandangan yang berkaitan dengan kajian yang dibuat. Kajian literatur dianggap sebagai maklumat yang berada di bawah kategori maklumat sekunder dan ianya akan turut membantu dalam menginterpretasikan kajian yang dibuat sama ada menyokong ataupun di sebaliknya.

Disamping itu, penulis juga mendapatkan maklumat melalui temubual yang dijalankan kepada golongan sasaran seperti jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi, orang awam dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Justeru, melalui pembacaan jurnal-jurnal dari luar negara, secara tidak langsung pengkaji mendapati bahawa Tapak Warisan Dunia UNESCO sememangnya mempunyai kepentingan untuk dipelihara baik dari aspek pengurusan mahupun mengekalkan integriti warisan tersebut.

### **1.7.1.3 Peringkat 3 - Pengumpulan Data**

Pada peringkat ketiga adalah sangat penting kerana pengumpulan data yang dibuat mestilah data yang berkualiti dan mencukupi bagi mendapatkan satu hasil yang memberi impak yang berkesan terhadap tajuk dan objektif kajian. Ia adalah merujuk kepada pendekatan atau kaedah yang paling efektif bagi mencapai matlamat kajian dengan menggunakan kos yang terhad. Dalam kajian ini reka bentuk kajian yang digunakan melibatkan penggunaan data yang dikutip dalam bentuk kualitatif. Dalam hal ini data atau maklumat yang bersifat kualitatif ini didapatkan dari pihak PBT berhubung rekod atau statistik berkaitan kedatangan pelawat ke Tapak Warisan Dunia UNESCO Lenggong disamping dasar-dasar, polisi-polisi, pekeliling-pekeliling, kajian-kajian yang lepas, rekod-rekod jabatan, minit-minit mesyuarat dan juga maklumat bertulis yang didapati dari jabatan-jabatan yang terpilih. Disamping itu, bahan-bahan ilmiah ini diperolehi daripada laman web, buku, kertas seminar, majalah, risalah dan bulletin juga menjadi rujukan. Data-data ini digunakan untuk memperkukuhkan setiap maklumat, hasil dan interpretasi daripada keputusan yang diperolehi.

Data kualitatif merupakan data yang diperolehi daripada soal selidik, temubual dan juga pengumpulan data di lapangan bagi mendapatkan maklumbalas terhadap tajuk serta objektif kajian. Oleh itu, data bersifat kualitatif diperolehi melalui temubual yang dijalankan ke atas responden yang terdiri daripada beberapa jabatan yang terlibat secara langsung dan tak langsung dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Kaedah temubual separa berstruktur telah digunakan sebagai instrumen

dalam mengumpul data. Kaedah temubual ini dijalankan terhadap 10 para pegawai di Jabatan yang dipilih iaitu Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Majlis Daerah Lenggong serta Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak. Disamping itu, 2 responden juga dipilih bukan dari penjawat awam iaitu pemandu pelancong di kawasan tersebut. Ini menjadikan keseluruhan responden berjumlah 12 orang.

Secara kesimpulannya, di dalam bab ini analisis dilakukan berdasarkan temubual yang dilaksanakan bersama para responden dan pada masa yang sama analisis dilakukan berpandukan kepada objektif yang telah digariskan di peringkat awal. Justeru, bab ini mengandungi pencarian, pengumpulan data dan perbincangan terhadap data primer dan data sekunder. Data kemudiannya dipaparkan dalam bentuk kualitatif.

#### **1.7.1.4 Peringkat 4 - Analisis Data**

Bagi kajian ini, data kualitatif diperolehi melalui proses temubual separa berstruktur yang dijalankan bersama pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong atau pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pembangunan di kawasan terbabit. Bagi melancarkan perjalanan proses temubual yang dijalankan, pengkaji telah terlebih dahulu menyediakan satu skrip atau soalan temubual berlandaskan objektif kajian. Ini penting agar soalan-soalan yang dikemukakan tidak tersasar daripada objektif kajian yang telah ditetapkan. Di samping itu, dengan adanya soalan-soalan ini secara umumnya ia akan memudahkan pihak responden untuk memberikan maklumbalas yang lebih tepat dan terfokus.

Setelah pengumpulan data dilaksanakan, data-data yang diperolehi sama ada data primer atau data sekunder akan diproses dan dianalisis. Berdasarkan kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, analisa boleh ditakrifkan sebagai penghuraian atau kupasan sesuatu perkara bagi mengetahui selok-beloknya. Manakala, deskriptif pula merupakan paparan atau gambaran dengan kata-kata secara jelas dan terperinci.

Bentuk deskriptif juga merupakan data dalam bentuk kenyataan, keterangan dan pandangan daripada responden. Teknik penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis deskriptif di mana sumber maklumat yang diperolehi melalui data primer diuraikan dan diterangkan dalam bentuk jadual, grafik, rajah dan sebagainya. Teknik sebegini lebih dominan untuk digunakan mengambilkira bahawa soalan-soalan yang dirangka lebih berbentuk kepada semi struktur. Jawapan yang diberikan dianalisis dan dirumus supaya dapat menjawab persoalan-persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

Maklumat yang diperolehi melalui data primer lebih dominan dalam menjawab persoalan dan objektif kajian kerana individu yang ditemu bual merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong. Bagi data sekunder, analisis kandungan digunakan dan ianya merupakan analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti buku, jurnal, akhbar, majalah, minit mesyuarat, laporan bertulis dan sebagainya (Sivabala Naidu, 2008). Ia juga merangkumi bahan-bahan elektronik dan bahan bercetak. Setiap konsep, perkataan, frasa atau ayat yang terdapat pada media atau bahan cetak akan dikaji. Data primer dianalisis secara kualitatif. Pada peringkat ini juga, bahan-bahan pengumpulan dan rujukan digunakan sepenuhnya dan seterusnya dikaji bagi membuat rumusan dan membentuk satu analisa kepada cadangan kajian. Peringkat ini merupakan peringkat yang paling penting kerana penemuan-penemuan memberi kesan kepada hasil kajian.

#### **1.7.1.5 Peringkat 5 - Kesimpulan dan Cadangan**

Pada peringkat akhir ini, penilaian dilaksanakan ke atas hasil analisis data yang diperolehi daripada maklumbalas para responden terhadap fokus kajian. Perbincangan secara terperinci merangkumi penilaian analisis terhadap data primer dan data sekunder bertujuan untuk menghasilkan jawapan ke atas permasalahan kajian dan juga untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Setiap analisis yang dibuat seterusnya akan membantu pengkaji untuk membuat sebarang kesimpulan dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan bagi sebarang penyelesaian dan juga penambahbaikan berhubung pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah

Lenggong yang lebih bersistematik dan seterusnya akan terarah kepada kedua-dua objektif kajian ini.

## **1.8 Susunatur Bab**

Secara keseluruhan, kajian ini melibatkan lima (5) topik utama yang diperlukan untuk menyiapkan keseluruhan kajian secara tersusun dan teratur. Ia akan memberikan penjelasan secara lanjut mengikut bab. Berikut adalah peringkat kajian yang dijalankan:

### **1.8.1 Bab Satu**

Peringkat ini adalah peringkat pengenalpastian isu utama berhubung tajuk kajian bagi mendapatkan gambaran sebenar kajian yang akan dibuat. Di dalam menyediakan sebarang penyelidikan, mengenalpasti pernyataan masalah merupakan perkara asas yang perlu diberikan perhatian kerana ianya akan menentukan segala-galanya yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibuat. Seseorang pengkaji biasanya dapat mengenalpasti sesebuah pernyataan masalah itu melalui penilaian data, pembacaan, penelitian dokumen dan juga pemerhatian terhadap isu-isu yang dipilih atau dicadangkan.

Justeru, di dalam Bab 1 ini juga, pengkaji telah mengenalpasti isu dan pernyataan masalah kajian yang seterusnya menyebabkan tercetusnya kajian ini di mana seterusnya mewujudkan pembentukan matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian dan seterusnya kepentingan kajian. Bab turut menerangkan aspek metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini dengan memberikan tumpuan kepada lima (5) peringkat utama seperti Peringkat Kajian Awalan, Peringkat Kajian Literatur, Peringkat Reka Bentuk Dan Pengumpulan Data, Peringkat Menganalisis Data dan Peringkat Kesimpulan Dan Cadangan.

### **1.8.2 Bab Dua**

Peringkat ini merupakan satu kajian literatur. Peringkat ini juga merupakan peringkat pengumpulan data dan maklumat yang diperolehi dari pelbagai sumber yang sahih. Analisa kupasan mengenai kajian-kajian lepas yang dibuat oleh para penyelidik terdahulu turut diterangkan bagi menyokong kajian yang dilakukan dan mendapatkan maklumat tambahan. Peringkat ini akan menjelaskan tentang Tapak Warisan Dunia UNESCO di luar dan di dalam Malaysia dari segenap sudut berdasarkan tinjauan literatur terdahulu termasuklah kajian-kajian, penulisan, pembentangan kertas kerja, amalan semasa, berita-berita di media cetak /elektronik dan apa jua perbincangan yang telah dibuat tentangnya sebelum ini.

### **1.8.3 Bab Tiga**

Bab 3 akan menyentuh soal ruang lingkup atau kawasan kajian yang dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Peringkat ini akan menerangkan kawasan kajian iaitu Lembah Lenggong yang merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Disamping itu turut dibincangkan adalah mengenai pengenalan warisan yang terdapat di Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong iaitu arkeologi Lembah Lenggong, pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, guna tanah dan kategori guna tanah di Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong serta pengurusan dan pentadbiran sedia ada Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong.

### **1.8.4 Bab Empat**

Bab 4 pula menerangkan proses menganalisis data. Proses menganalisa data dibuat berdasarkan data primer yang diperolehi hasil daripada sesi temubual yang dibuat bersama 12 pegawai-pegawai yang dipilih sebagai responden. Hasil daripada proses menganalisis data ini dijangka dapat memberikan jawapan terhadap persoalan-persoalan kajian yang wujud sepanjang proses kajian ini dijalankan dan seterusnya

## RUJUKAN

- A Ghafar Ahmad (2010) *Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) (Pindaan sehingga 25 Ogos 1998), International Law Book Services
- ASEAN (2003) *Guidelines for the Implementation of the ASEAN Policy on Zero Burning*. Jakarta: Association of Southeast Asian Nations.
- An, Z., Gao, W., Zhu, Y., Kan, X., Wang, J., Sun, J., and Wei, M. 1990 Magnetostratigraphic dates of Lantian Homo erectus. *Acta Anthropologica Sinica*, 1:1-7.
- Ariffin, M.N.K., Nawawi, M.N.M, Mokhtar, S., Shaffwan, M.S.M., Firdaus, A.M. and Hanis M.M. 2010 Magnetic gradiometer survey at Bukit Bunuh, Perak: Preliminary study on unrevealed meteorite impact crater, *Asian Institute of Physics Conference Proceedings*, 1250:193-196.
- Bulbeck, D. 2005 The Gua Cha burials. In Zuraina Majid (Ed.), *The Perak Man and other prehistoric skeletons of Malaysia Penang*: Universiti Sains Malaysia Press. 253-309.
- Bulbeck, D., and Zuraina Majid 2007 Gua Teluk Kelawar 1 and Holocene human evolution in Peninsular Malaysia. In Mokhtar Saidin, and S. Chia (Eds.), *Archaeological Heritage of Malaysia*. Centre for Archaeological Research Malaysia, Universiti Sains Malaysia. 1:17-39.
- Chia, S. 1997 Prehistoric pottery sources and technology in Peninsular Malaysia based on compositional and morphological studies. *Monograph of Malaysia Museums Journal*, 33. 2005 Prehistoric earthenware of Malaysia. *Journal of Sophia Asian Studies*, 23:201-235.
- Chia, S., and Zolkurnian Hasan 2005 Gua Harimau, a prehistoric cemetery in Lenggong, Perak In Zuraina Majid (Ed.), *The Perak Man and other prehistoric skeletons of Malaysia Penang*: Universiti Sains Malaysia Press. 363-383.

- Chua, P. Y. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education Malaysia Sdn Bhd.
- Collings, H. D. 1938 Pleistocene sites in the Malay Peninsula. *Nature*, 142:575-576.
- Delagnes, A., and Roche, H. 2005 Late Pliocene hominid knapping skills: the case of Lokalalei 2C, West Turkana, Kenya. *Journal of Human Evolution*, 48(5):435-472.
- Dennell, R., Rendell, H., Hailwood, E., and Hurcombe, L. 1994 Archaeological evidence for hominids in northern Pakistan before one million years ago. In J. Franzen (Ed.), *100 years of Pithecanthropus* Courier ForschungsInsitut Senckenberg, 171. 151-155.
- De Warrimont, J.P. 2007 Prospecting middle Palaeolithic open-air sites in the Dutch-Belgian border area near Maastricht. *PalArch's Journal of Northeast Europe*, 1:3.
- Dizon, E., and A.Pawlik, J. 2009 The lower Palaeolithic record in the Philippines. *Quaternary International*, in press.
- Draf Rancangan Kawasan Khas: Pelan Pengurusan Kawasan Pemeliharaan Lenggong (2013). Jabatan Warisan Negara (2009) Warisan Kebangsaan 2009. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur.
- Duckworth, W. L. 1934 Human remains from rock-shelters and caves in Perak, Pahang and Perlis and from Selinsing. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XII:149-167.
- Evans, I.H.N. 1918 Preliminary report on cave exploration, near Lenggong, Upper Perak. *Journal of the Federated Malay States Museums*, 7:227-234. 1924 Negrito cave drawings at Lenggong, Upper Perak. *Journal of the Federated Malay States Museums*, 7(1916-1919):227-234.
- Feibel, C., Lepre, C., and Quinn, R. 2009 Stratigraphy, correlation, and age estimates for fossils from Area 123, Koobi Fora. *Journal of Human Evolution*, 57:112-122.
- Gabunia, L., Vekua, A., Lordkipanidze, D., Ferring, R., Justus, A., Swisher III, C.C., Nioradze, M., Tvalchrelidze, M., Antón, S. C., Bosinski, G., Joris, O., Lumley, M., Majsuradze, G. and Mouskhelishvili, A. 2000 Earliest Pleistocene hominid cranial remains from Dmanisi, Republic of Georgia: taxonomy, geological setting, and age. *Science*, 288:1019- 1025.



- Gamble, C. 1994 *Timewalker: the prehistory of global colonization*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Goh, H. M. 2008 Late Pleistocene-early Holocene cultural evidence in Gua Kajang, Perak, Lenggong. Universiti Sains Malaysia. Penang: Unpublished MA Thesis.
- Hamid Mat Isa 2007 Middle Pleistocene (70,000 years ago) stone tools workshop in Kota Tampan, Lenggong, Perak. Universiti Sains Malaysia. Penang: Unpublished MA Thesis.
- Harrison, T. 1958 The caves of Niah: a history of prehistory. *Sarawak Museum Journal*, VIII(12): 549-595. 1975 "Tampan: Malaysia's Palaeolithic reconsidered". In G. Bartstra, and W. Casparie (Eds.), *Modern Quaternary Research in Southeast Asia* Rotterdam: Balkema. 1. Heaney, L. R. 1991 A synopsis of climatic and vegetational change in Southeast Asia. *Climatic Change*, 19:53-61.
- Hill, C., Soares, P., Mormina, M., Macaulay, V., Meehan, W., Blackburn, J., Clarke, D., Raja, J.M., Ismail, P., Bulbeck, D., Oppenheimer, S., and Richards, M. 2006 Phylogeography and ethnogenesis of aboriginal Southeast Asians. *Molecular Biology and Evolution*, 23(12):2480-2491.
- Horowitz, A. 1973 Radiometric Dating of the 'Ubeidiya Formation, Jordan Valley, Israel. *Nature*, 242.
- Huang, P. H., Jin, S. Z., Liang, R. Y., Lu, Z. J., Zheng, L. Z., Yuan, Z. X., Cai, B. and Fang, Z. 1991 Study of ESR dating for burying age of the first skull of Peking Man and chronological scale of the cave deposit in Zhoukoudian site Loc. 1. *Acta Anthropologica Sinica*, 10:73-77.
- Hutchison, C. 1989 *Geological Evolution of South-east Asia*. Oxford: Clarendon Press.
- Hutterer, K. 1985 The Pleistocene archaeology of Southeast Asia in regional context. *Modern Quaternary Research in Southeast Asia*, 9:1-23.
- Jabatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1993) *Heritage Building & Conservation Area, 1993/94. Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan* (2012) Jabatan Warisan Negara.
- Jabatan Warisan Negara
- Jia Wen (2007) *Stakeholder Participation Approach in Urban Cultural Heritage Management and Conservation*. Brandenburg University of Technology, Cottbus.

- Kamarudin Ngah (1991) *Pengenalan Penyertaan Awam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Khoo Su Nin (1993) *Streets of George Town, Penang*. Janus Print and Resources, Pulau Pinang.
- Laman Web Rasmi Majlis Daerah Daerah Lenggong (<http://www.mdl.gov.my/ms>).
- Lembah Lenggong Warisan Dunia UNESCO (2012) *Jabatan Warisan Negara*.
- Malaysia (1993) *Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka 1988 (Pindaan 1993)*. Kerajaan Negeri Melaka, Melaka. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (1985) *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Pulau Pinang*. Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan, Pulau Pinang.
- Majlis Daerah Lenggong (2019) *Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030*.
- Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) (2000) *Garis Panduan Rekabentuk untuk Kawasan-kawasan Pemuliharaan di dalam Kawasan Bandaraya George Town, Pulau Pinang*. Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan, Pulau Pinang
- Matsumura, H., and Zuraina Majid 1995 *Metrical analysis of the dentition of Perak Man from Gua Gunung Runtuh in Malaysia*. *Bulletin of the National Science Museum, Series D* (21):1-10.
- Mokhtar Saidin 1997 *Palaeolithic culture in Malaysia - The contribution of sites Lawin, Perak and Tingkayu, Sabah*. Universiti Sains Malaysia. Penang: Unpublished PhD Thesis.
- Paddayya, K., Blackwell, B. A. B., Jhaldiyal, R., Petraglia, M. D., Fevrier, S., Chaderton II, D.A., Fevrier, S., Blickstein J.I.B. and Skinner, A.R. 2002 *Recent findings on the Acheulian of the Hunsgi and Baichbal Valleys, Karnataka, with special reference to the Isampur excavation and its dating*. *Current Science*, 83 (5):641- 647.
- Sackett, J. 1999 *The archaeology of Solvieux: an upper Paleolithic open air site in France*. Los Angeles: UCLA Institute of Archaeology. Samsuddin, A., and Nizam, A. 2005 *Craniofacial analysis of the Perak Man using CT-scan data and 3-D craniofacial reconstruction model*. In Zuraina Majid (Ed.), *The Perak Man and other prehistoric skeletons of Malaysia* Penang: Universiti Sains Malaysia Press. 91-102.

- Semaw, S. 2000 The world's oldest stone artefacts from Gona, Ethiopia: their implications for understanding stone technology and patterns of human evolution between 2.6–1.5 million years ago. *Journal of Archaeological Science*, 27(12):1197-1214.
- Shang, H., Tong, H., Zhang, S., Chen, F., and Trinkaus, E. 2007 An early modern human from Tianyuan Cave, Zhoukoudian, China. *Proceedings of the National Academy of Sciences USA*, 104 (16):6573-6578.
- Shutler, R. 1984 Kota Tampan, once again. *Heritage*, 6. Sieveking, G. D. 1954 Excavation at Gua Cha, Kelantan, 1954. *Malayan Historical Journal*, 1-2:75-138.
- Siti Norlizaiha Harun (1995) *Pemuliharaan dan Pembangunan yang Berterusan*. (Tesis Sarjana Sains Perancangan) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (tidak diterbitkan).
- Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah, Mohammad Ahraf Abdul Rahman (2011) *Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mampan*. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS*, Sarawak.
- Syed Zainol Abidin Idid (1996) *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar*. *Badan Warisan Malaysia*.
- Syed Zainol Abidin Idid, Ungku Suraiya Omar (1993) *Conservation Guidelines - Kertas kerja untuk Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan oleh Badan Warisan Malaysia untuk tujuan penyediaan garis panduan pemeliharaan*.
- The Star (2019, 21 Disember) *Heritage site in peril*, [thestaronline.com](http://thestaronline.com)
- UNESCO (1972) *The World Heritage Convention*. [Cited 5 Mei 2014]. Available from: <http://whc.unesco.org/en/convention>.
- Undang-Undang Malaysia (2011) *Akta Kawal Sewa (Pemansuhan)*, Akta (572) 1997.
- Yazid Saleh (2003) *Pemuliharaan Bangunan Warisan: Kajian Kes di Melaka dan Pulau Pinang*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Jangka Pendek (Vot F), Universiti Malaya, 11- 12 Mac.
- Zolkurnian Hasan 1989 *Gua Harimau: satu laporan awal*. *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, 8:41-52.
- 1998 *Urutan kebudayaan prasejarah Lembah Lenggong, Hulu Perak, Perak pada Zaman Holosen*. Universiti Sains Malaysia. Penang: Unpublished MA Thesis.

Zuraina Majid 1988 Indigenous Malaysian bronze manufacture or not? Short notes of new evidence from Gua Harimau in Perak, North Malaysia. Paper presented at the International Conference of Ancient Bronze Drums and Bronze Cultures in Southern China and Southeast Asia. Kunming, China.

Zuraina Majid, and Tjia, H. 1988 Kota Tampan, Perak: the geological and archaeological evidence of a late Pleistocene site. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 61(2):123-134.

Zuraina Majid, Johan Arif, Lim, A., Mokhtar Saidin, Jeffrey Abdullah and Chia, S. 2005 GTK 1: a skeleton from Gua Teluk Kelawar, Lenggong, Perak, dated 8,400 +/- 40 BP. In Zuraina Majid (Ed.), *The Perak Man and other prehistoric skeletons of Malaysia Penang*: Universiti Sains Malaysia Press. 345-362.